

**PEMBINAAN DAN PENILAIAN
KEBERKESANAN MODUL PENULISAN UNTUK
MENINGKATKAN PENCAPAIAN PENULISAN
KARANGAN MURID TINGKATAN DUA**

SUBRAMANIAM A/L RAMAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**PEMBINAAN DAN PENILAIAN
KEBERKESANAN MODUL PENULISAN UNTUK
MENINGKATKAN PENCAPAIAN PENULISAN
KARANGAN MURID TINGKATAN DUA**

oleh

SUBRAMANIAM A/L RAMAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2024

PENGHARGAAN

Namashivaya Valga, syukur ke atas Eagan kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat saya sempurnakan tesis ini dengan jayanya. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat Dr Muhammad Zuhair Zainal, selaku penyelia atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan dalam membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan dan kata-kata semangat Dr Zuhair telah banyak mengajar saya erti untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang berwawasan. Jasa Dr tiada balasannya. Terima kasih Dr. Tidak dilupakan Dr Fazilah Amzah selaku penyelia kedua yang membimbing bagi menggapai hasrat yang diimpikan selama ini. Begitu juga kepada Dekan, Timbalan Dekan, dan staf Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang tempoh pengajian ini. Penghargaan juga buat semua pihak yang terlibat di Institut Pengajian Siswazah dan juga staf perpustakaan USM. Perhargaan tidak terhingga kepada barisan panel pakar yang menjadi jambatan kepada penulisan ini. Segala pengalaman berharga yang dilalui selama ini pasti tidak dapat dilupakan.

Tidak dilupakan setinggi-tinggi ucapan terima kasih serta penghargaan buat Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menganugerahkan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan kepada saya bagi melanjutkan pelajaran di peringkat ini. Begitu juga kepada seluruh staf Bahagian Tajaan kerana telah memberikan kerjasama yang amat memuaskan sepanjang tempoh berurusan. Tidak lupa juga dititipkan jutaan terima kasih buat ayahanda bonda, atas pengorbanan yang telah dilakukan sepanjang hayat

kalian, walaupun tidak lagi bersama saya namun kejayaan saya pada hari ini merupakan cetusan usaha kalian.

Seterusnya tiada ungkapan yang mampu diungkapkan bagi menterjemahkan perasaan ini buat isteri tersayang, Kanagavalli Munmoothy yang sentiasa menjadi tulang belakang buat saya selama menyiapkan tesis ini dalam apa jua situasi susah senang, rintangan dan cabaran, anda tetap berada di puncak. Tidak ketinggalan anak-anak kesayangan, S. Abirami, S.Thanush dan S. Navasshen atas kefahaman, kesabaran, sokongan, toleransi sehingga pengajian ini dapat ayah sempurnakan dengan jayanya. Tanpa doa dan sokongan adik-beradik, Sella, Puga, Amoi, Bala, Mani dan Mogan mustahil juga saya akan berjaya. Sesungguhnya segala doa, dorongan dan masa yang telah kalian korbakan selama ini amat disanjung dan akan diingati sepanjang hayat ini. Setiap titipan perangsang, belaian kasih sayang, peringatan dan panduan hidup masih dirasai hingga hari ini dan selamanya.

Akhir kata, tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya Kalamathi, Thibbah, Vasugi dan Viji, rakan-rakan sekerja SMK Junjung terutamanya (Puvana, Krishna, Dhanaraj), Tuan Azaman Abd Rahman (bekas Pengetua) yang menjantik minat, para responden, serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan idea, sokongan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Jasa kalian tetap akan saya dikenang sepanjang hayat.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH.....	xiv
SENARAI GRAF	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN.....	xvii
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT	xx
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian.....	21
1.5 Persoalan Kajian	22
1.6 Hipotesis Kajian.....	23
1.7 Kepentingan Kajian	24
1.8 Batasan Kajian	26
1.9 Definisi Operational	27
1.9.1 Keberkesanan	27
1.9.2 Modul	28
1.9.3 Pencapaian	28
1.9.4 Karangan	29
1.10 Rumusan	29

BAB 2	TINJAUAN LITERATUR.....	30
2.1	Pengenalan	30
2.2	Penulisan Karangan	31
2.3	Pentaksiran Bilik Darjah	44
2.4	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bermodul	45
2.5	Teori – Teori Yang Mendasari Kajian	51
2.5.1	Teori Pemerolehan Bahasa.....	51
2.5.2	Teori Pembelajaran Bahasa.....	53
2.5.3	Teori Konstruktivisme	53
2.6	Proses-Proses Penulisan Karangan	56
2.6.1	Jenis-jenis karangan	58
2.7	Pendekatan Pengajaran Penulisan.....	63
2.8	Model Mengarang Flower dan Hayes.....	66
2.9	Kemahiran Membaca	74
2.10	Penggabungjalinan Kemahiran Membaca Dalam Pengajaran Penulisan	78
2.11	Kaedah <i>Scaffolding</i>	79
2.12	Teknik <i>SCAMPER</i>	84
2.13	Kerangka Teoritikal Kajian.....	90
2.14	Model reka bentuk pengajaran.....	92
2.14.1	Model ADDIE.....	98
2.14.2	Rasional Pemilihan Model Pembinaan dan Kekuatan Model ADDIE	100
2.14.3	Kekurangan dan Kelemahan Model ADDIE	103
2.14.4	Kekurangan Model Pengajaran yang Lain.....	104
2.15	Kajian-Kajian yang Menggunakan Model ADDIE	106
2.16	Penilaian.....	110
2.16.1	Model Penilaian Kirkpatrick.....	112

2.17	Kajian Berkaitan Dibuat Dalam Negara	117
2.18	Kajian Berkaitan di Luar Negara	127
2.19	Kerangka Konseptual Kajian	130
2.20	Halangan Kepada Para Guru.....	132
2.21	Rumusan	134
BAB 3 PEMBINAAN MODUL PENULISAN		135
3.1	Pendahuluan.....	135
3.2	Objektif Pembinaan Modul Penulisan	135
3.3	Model <i>Instructional System Design</i> (ISD) ADDIE	137
3.4	Pembangunan Modul Penulisan Karangan berasaskan model ADDIE.	140
3.4.1	Fasa Analisis	140
3.4.1(a)	Soal Selidik.....	141
3.4.1(b)	Temu Bual Separa Berstruktur	144
3.4.1(c)	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.....	152
3.4.1(d)	Pengesahan Pakar dan Pencapaian Penilaian Pakar Melalui Cohen Kappa	154
3.4.1(e)	Pengesahan Responden Terhadap Data Temu Bual.....	155
3.4.1(f)	Hasil Dapatan Soal Selidik Keperluan Analisis	161
3.4.1(g)	Temu Bual Separa Struktur Untuk Analisis Keperluan.....	172
3.4.2	Fasa Reka Bentuk	189
3.4.2(a)	Teori-Teori yang Diaplikasikan.....	193
3.4.3	Peringkat Pembangunan.....	195
3.4.3(a)	Binaan Kandungan.....	196
3.4.3(b)	Pemilihan Media	201
3.4.3(c)	Kesahan Modul Penulisan Karangan.	202
3.4.3(d)	Kajian Rintis	211

3.4.4	Fasa Pelaksanaan	211
3.4.5	Fasa Penilaian	214
3.5	Pengumpulan Data Kajian	215
3.5.1	Pengumpulan Data Kualitatif.....	215
3.6	Analisis Data	217
3.6.1	Analisis Data Kualitatif.....	217
3.7	Rumusan	220
BAB 4	METODOLOGI KAJIAN	221
4.1	Pengenalan	221
4.2	Reka Bentuk Kajian	222
4.3	Populasi dan Persampelan Kajian	231
4.4	Instrumen Kajian.....	235
4.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	235
4.6	Pemboleh Ubah kajian	241
4.7	Prosedur Pelaksanaan Kajian	242
4.8	Prosedur Mengumpul Data	244
4.8.1	Ujian Pra dan Ujian Pasca.....	246
4.9	Kajian Rintis	247
4.10	Analisis Data	249
4.10.1	Analisis Data Kuantitatif.....	250
4.11	Ancaman Kesahan Reka Bentuk Kajian	252
4.11.1	Kesahan Dalam dan Luaran Kajian.....	252
4.12	Rumusan	254
BAB 5	DAPATAN KAJIAN	255
5.1	Pendahuluan	255
5.2	Maklumat Demografik.....	255
5.3	Dapatan Kajian Data Deskriptif.....	256

5.3.1	Perbandingan Pencapaian Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Rawatan	260
5.4	Dapatan Kajian Data Inferensi	261
5.4.1	Andaian-Andaian Bagi Ujian-t Sampel Berpasangan dan Bebas	261
5.5	Kesan Penggunaan Modul BALIS Terhadap Pencapaian Murid dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu	264
5.6	Ringkasan Dapatan Pengujian Hipotesis	273
5.7	Perbezaan antara Kumpulan Rawatan yang Diajar Menggunakan Modul dan Kumpulan Kawalan yang Diajar Menggunakan Kaedah Biasa dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca.	274
5.8	Rumusan Dapatan Kajian	276
BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN.....		277
6.1	Pengenalan	277
6.2	Ringkasan Dapatan Kajian.....	278
6.3	Perbincangan Dapatan Kajian.....	285
6.3.1	Mereka bentuk dan membangunkan modul penulisan BALIS	287
6.3.1(a)	Fasa-fasa Pembinaan Modul BALIS	287
6.3.1(b)	Fasa Analisis Keperluan	287
6.3.1(c)	Fasa Reka Bentuk	289
6.3.1(d)	Fasa Pembangunan	290
6.3.1(e)	Fasa Pelaksanaan	291
6.3.1(f)	Fasa Penilaian	292
6.4	Penilaian Modul	294
6.4.1	Penilaian tahap 1: Pengajaran Guru	294
6.4.2	Penilaian tahap 2: Kemahiran Menulis	295
6.4.3	Penilaian tahap 2: Pembelajaran	295
6.4.4	Penilaian tahap 3: Tingkah laku.....	295
6.4.5	Penilaian tahap 4: Hasil	296

6.5	Masalah Yang Dihadapi Oleh Murid-Murid Kumpulan Rawatan Ketika Menggunakan Modul	306
6.6	Kesan Penggunaan Modul BALIS terhadap Peningkatan Pencapaian Penulisan Karangan	307
6.6.1	Kesan penggunaan modul BALIS terhadap peningkatan pencapaian penulisan karangan dalam kalangan murid tingkatan Dua.	312
6.6.2	Kesan penggunaan modul BALIS terhadap pencapaian menulis karangan antara murid lelaki dengan murid perempuan tingkatan dua.	315
6.7	Kaedah Konvensional	317
6.8	Pengajaran konvensional dan pengajaran bermodul.....	319
6.8.1	Implikasi terhadap teori	319
6.8.2	Implikasi terhadap amalan	322
6.8.3	Implikasi Kepada Pelajar	324
6.9	Limitasi Kajian.....	325
6.10	Cadangan.....	326
6.10.1	Cadangan Untuk Murid.....	327
6.10.2	Cadangan Kepada Guru-Guru.....	328
6.10.3	Cadangan Kepada Kementerian /Jabatan.....	330
6.10.4	Cadangan kajian lanjutan	331
6.11	Kesimpulan	332
	RUJUKAN	335

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Tahap dan Standard PS.....	6
Jadual 1.2 Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran.....	7
Jadual 1.3 Standard Prestasi Kemahiran Menulis.....	8
Jadual 1.4 Peratus Pencapaian Tahap Penulisan oleh Murid di 9 buah Sekolah Menengah di Kulim Bandar Baharu (Pencapaian Akhir Tahun)	17
Jadual 2.1 Elemen “ <i>Scaffolding</i> ”.	80
Jadual 2.2 Kategori Reka Bentuk Pengajaran.....	95
Jadual 2.3 Model Borg and Gall	97
Jadual 2.4 Huraian Model ADDIE	100
Jadual 2.5 Kekuatan Model ADDIE	102
Jadual 2.6 Jadual Kekurangan Reka Bentuk Lain	105
Jadual 2.7 Kajian-Kajian yang Menggunakan Model ADDIE	106
Jadual 2.8 Model-model Penilaian.....	112
Jadual 2.9 Matrik kaedah Penilaian Kirkpatrick untuk Modul BALIS	113
Jadual 3.1 Huraian Ringkas Model ADDIE	139
Jadual 3.2 Peratus Pencapaian Tahap Penulisan oleh Murid di 9 buah Sekolah Menengah di Kulim Bandar Baharu (Pencapaian Akhir Tahun)	141
Jadual 3.3 Skala Likert Soal Selidik Murid	143
Jadual 3.4 Item Soal Selidik	144
Jadual 3.5 Kontrsk Temu Bual Separa Berstruktur	146
Jadual 3.6 Senarai Panel Pakar Kesahan Soal Selidik dan Temu Bual	147
Jadual 3.7 Item Soal Selidik Analisis Keperluan.....	147
Jadual 3.8 Item Soal Selidik Penilaian Modul.....	148
Jadual 3.9 Item Temu Bual Keperluan Analisis	148

Jadual 3.10	Item Temu Bual Penilaian Modul	149
Jadual 3.11	Dapatan CVR dan CVI Soal Selidik dan Temu Bual.....	151
Jadual 3.12	Pekali Kebolehpercayaan Cronbach Alpha	154
Jadual 3.13	Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa	155
Jadual 3.14	Maklumat Responden Temu Bual	157
Jadual 3.15	Demografi Responden	162
Jadual 3.16	Masalah Pembelajaran Penulisan Karangan.....	163
Jadual 3.17	Masalah Pembelajaran Penulisan Karangan.....	168
Jadual 3.18	Bahan yang perlu dimuatkan ke dalam Modul Penulisan Karangan.....	170
Jadual 3.19	Tentatif temu bual pengkaji.....	173
Jadual 3.20	Respon temu bual mengikut tema dan cara pengkodan data.....	174
Jadual 3.21	Panel Pakar Penilai	190
Jadual 3.22	Skala Likert.....	191
Jadual 3.23	Item Soal Selidik	192
Jadual 3.24	Unit-unit BALIS	197
Jadual 3.25	Panel Penilai	204
Jadual 3.26	Nilai I-CVI dan S-CVI Konstruk Kandungan Modul	206
Jadual 3.27	Nilai I-CVI dan S-CVI Konstruk Kesesuaian Aktiviti Pengajaran	206
Jadual 3.28	Nilai I-CVI dan S-CVI Konstruk Pelaksanaan.....	207
Jadual 3.29	Nilai I-CVI dan S-CVI Konstruk Bahan Pembelajaran.....	208
Jadual 3.30	Nilai I-CVI dan S-CVI Konstruk Masa dan Kesesuaian Bahasa.....	208
Jadual 3.31	Nilai I-CVI dan S-CVI Konstruk Reka Bentuk.....	209
Jadual 3.32	Nilai I-CVI dan S-CVI Konstruk Penilaian.....	209
Jadual 3.33	Tempoh Pelaksanaan Modul Penulisan Karangan	212
Jadual 3.34	Standard Prestasi Kemahiran Menulis.....	214

Jadual 3.35	Langkah-langkah Analisis Tematik.....	219
Jadual 4.1	Jenis-jenis Persampelan	232
Jadual 4.2	Persampelan Bertujuan	233
Jadual 4.3	Instrumen Kajian	235
Jadual 4.4	Panel Pakar Kesahan Ujian Pra dan Pasca	238
Jadual 4.5	Cadangan dan Penambahbaikan Item Soalan Ujian Pra, Soalan Ujian Pasca dan Rubrik Pemarkahan	238
Jadual 4.6	Nilai CVR Item Mengikut Konstruk Kandungan Ujian Pra dan Ujian Pasca	239
Jadual 4.7	Pekali kebolehpercayaan Cronbach's Alpha	241
Jadual 4.8	Prosedur Pelaksanaan Kajian.....	242
Jadual 4.9	Ringkasan Kajian Rintis	248
Jadual 4.10	Tatacara Penganalisisan data	251
Jadual 4.11	Skor MIn.....	252
Jadual 4.12	Ancaman dan Langkah Mengatasi	253
Jadual 5.1	Maklumat Demografik Responden.....	255
Jadual 5.2	Markah Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan dan Kawalan	257
Jadual 5.3	Min dan Sisihan Piawai Ujian Pra Kumpulan Kawalan dan Rawatan	259
Jadual 5.4	Perbandingan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Rawatan	261
Jadual 5.5	Ujian Normaliti Shapiro-Wilk bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan dalam Praujian dan Pascaujian	262
Jadual 5.6	Ujian Skewness dan Kurtosis bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan dalam Praujian dan Pascaujian	263
Jadual 5.7	Skor Min Penulisan Pendahuluan Karangan Ujian Pra Dan Pasca Kumpulan Rawatan	265
Jadual 5.8	Min dan Sisih Piawai Markah Perenggan Isi Karangan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	267
Jadual 5.9	Min dan Sisih Piawai Markah Penutup Ujian Pra Dan Pasca Kumpulan Rawatan	270

Jadual 5.10	Min dan Sisih Piawai Pencapaian Penulisan Karangan Ujian Pra Mengikut Jantina Kumpulan Rawatan	272
Jadual 5.11	Perbandingan Mengikut Jantina Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	273
Jadual 5.12	Ringkasan Pengujian Hipotesis	274
Jadual 6.1	Skala Likert Yang Digunakan Dalam Borang Soal Selidik	296
Jadual 6.2	Skor Min	296
Jadual 6.3	Pengajaran Guru (Reaksi)	297
Jadual 6.4	Isi Kandungan (Reaksi)	298
Jadual 6.5	Cara Persembahan (Reaksi)	299
Jadual 6.6	Segmen Kemahiran Menulis (Pembelajaran)	300
Jadual 6.7	Segmen Kemahiran Membaca (Pembelajaran)	301
Jadual 6.8	Segmen Scaffolding (Pembelajaran)	302
Jadual 6.9	Segmen Bahan (Pembelajaran)	303
Jadual 6.10	Segmen Persepsi (Tingkah Laku)	304
Jadual 6.11	Segmen Perasaan (Tingkah Laku)	305
Jadual 6.12	Segmen Keputusan (Hasil)	306
Jadual 6.13	Perbezaan di antara pengajaran konvensional dan pengajaran bermodul (Meyer, 1998)	319

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Model Mengarang Flower dan Hayes (1981).....	69
Rajah 2.2 Model Ilustrasi Scaffolding	82
Rajah 2.3 Teoritikai Kajian.....	91
Rajah 2.4 Model Instruksional ADDIE	99
Rajah 2.5 Model Penilaian Kirkpatrick	113
Rajah 2.6 Kerangka Konseptual Kajian.....	131
Rajah 3.1 Teori,Teknik dan Model yang Mendasari Modul BALIS	195
Rajah 3.2 Proses Analisis Tematik	219
Rajah 4.1 Reka Bentuk Kajian.....	226
Rajah 4.2 Kuasi Experimen Kajian.....	227

SENARAI GRAF

	Halaman
Graf 5.1	Perbandingan Markah Perenggan Pendahuluan Karangan Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan 265
Graf 5.2	Markah Perenggan Isi Karangan Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan 268
Graf 5.3	Markah Perenggan Penutup Karangan Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan rawatan..... 270

SENARAI SINGKATAN

BALIS	Baca dan Tulis
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Surat Kelulusan Bersyarat, KPM
Lampiran 2	Surat Cadangan Penyelesaian Penyelidikan
Lampiran 3	Surat JEPeM
Lampiran 4	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian, JPN Kedah
Lampiran 5	Surat Pengesahan Penyelidikan
Lampiran 6	Surat Pengesahan Pelajar
Lampiran 7	Borang Temu Bual Separa Berstruktur
Lampiran 8	Borang Maklumat dan Persetujuan Peserta
Lampiran 9	Instrumen Soal Selidik Sumatif Murid
Lampiran 10	Soal Selidik Murid (Pembangunan dan Penilaian Modul BALIS-Analisi Keperluan)
Lampiran 11	Soalan Temu Bual Separa Berstruktur
Lampiran 12	Penilaian Formatif Modul
Lampiran 13	Nilai CVR dan CVI Soal Selidik Keperluan Analisis
Lampiran 14	Jadual Nilai CVR dan CVI Bagi Soal Selidik Penilaian.
Lampiran 15	Jadual Nilai CVR dan CVI Bagi Soalan Temu Bual Analisis Keperluan
Lampiran 16	Jadual Nilai CVR dan CVI Bagi Soalan Temu Bual Penilaian Modul
Lampiran 17	Contoh Rancangan Pengajaran Harian Guru
Lampiran 18	Peraturan Pemarkahan BALIS
Lampiran 19	Teori, Teknik Dan Model Yang Diaplikasikan Dalam Unit-Unit BALIS

**PEMBINAAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN MODUL PENULISAN
UNTUK MENINGKATKAN PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN
MURID TINGKATAN DUA**

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk membangunkan dan menilai keberkesanan modul penulisan karangan Bahasa Melayu tingkatan dua, iaitu modul penulisan karanga yang dibangunkan menggunakan Model ADDIE. Objektif kajian telah digarapkan, antaranya aadalah untuk mereka bentuk dan membangunkan modul penulisan penulisan, seterusnya mengukur kesan penggunaan modul penulisan terhadap peningkatan pencapaian menulis perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup. Objektif kelima mengukur kesan penggunaan modul penulisan terhadap peningkatan pencapaian kemahiran menulis karangan antara murid lelaki dengan perempuan tingkatan dua. Persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan dan responden terdiri dari pelbagai kategori berdasarkan instrumen kajian. Untuk tujuan analisis keperluan yang menggunakan borang selidik, seramai 360 orang murid tingkatan dua dari sembilan buah sekolah menengah. Manakala untuk tujuan penilaian 40 orang murid kumpulan rawatan digunakan. Dalam melaksanakan intervensi seramai 80 orang murid dipilih iaitu 40 orang murid untuk kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan menjalani ujian pra dan ujian pasca dalam intervensi tersebut. Seramai 10 orang guru Bahasa Melayu digunakan untuk Instrumen temu bual separa berstruktur juga digunakan untuk analisis keperluan dan 8 orang guru Bahasa Melayu menengah rendah untuk kebolegunaan modul. Hasil kajian menunjukkan bahawa modul penulisan ini berjaya meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa melayu murid tingkatan dua. Modul ini juga dapat menarik

minat murid untuk menulis kerana proses penulisan diajar secara berperingkat-peringkat. Persoalan kajian kedua menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian pendahuluan karangan ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan kerana aras signifikan lebih kecil dari 0.05 ($p < 0.05$). Seterusnya bagi persoalan kajian ketiga pula, dapatan aras signifikan lebih kecil dari 0.05 ($p < 0.05$) dan menerangkan bahawa perbezaan yang signifikan pencapaian isi karangan ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan. Manakala bagi persoalan kajian keempat pula, terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian penutup karangan ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan kerana aras signifikan lebih kecil dari 0.05 ($p < 0.05$). Melalui kajian ini didapati juga tidak ada perbezaan yang ketara antara pencapaian penulisan murid perempuan dengan murid lelaki dalam kumpulan rawatan kerana dapatan menunjukkan aras signifikan lebih besar dari 0.05 ($p > 0.05$). Dengan pengajaran menggunakan modul penulisan karangan ini, murid-murid menunjukkan respon positif untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Hasilnya murid-murid dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

**DEVELOPMENT AND ASSESSMENT OF A WRITING MODUL'S
EFFECTIVENESS TO IMPROVES FORM TWO STUDENTS ESSAY
WRITING PERFORMANCE**

ABSTRACT

This study was carried out to develop and evaluate the effectiveness of the form two Malay language essay writing module, which is an essay writing module developed using the ADDIE Model. The objectives of the study have been worked on, among which is to design and develop a writing module, and then measure the effect of using the writing module on the improvement of the achievement of writing introductory paragraphs, body paragraphs and closing paragraphs. The fifth objective measures the effect of using the writing module on the improvement of the achievement of essay writing skills between male and female students in the second form. The sampling used is purposive sampling and the respondents consist of various categories based on the research instrument. For the purposes of needs analysis using a questionnaire, a total of 360 second-grade students from nine secondary schools. While for the purpose of evaluation, 40 students from the treatment group were used. In carrying out the intervention, a total of 80 students were selected, namely 40 students for the treatment group and the control group. The treatment group underwent a pre-test and a post-test in the intervention. A total of 10 Malay language teachers were used for the semi-structured interview instrument was also used for needs analysis and 8 lower secondary Malay language teachers for module usability. The results of the study show that this writing module successfully improves the writing achievement of Malay language essays of second form students. This module can also attract students' interest in writing because the writing process is taught in stages. The

second research question explains that there is a significant difference in the pre-test and post-test essay achievement for the treatment group because the significance level is smaller than 0.05 ($p < 0.05$). Next, for the third research question, the significant level findings are smaller than 0.05 ($p < 0.05$) and explain that there is a significant difference in the achievement of pre-test and post-test essay content for the treatment group. While for the fourth research question, there is a significant difference in the pre-test and post-test essay closing achievement for the treatment group because the significance level is smaller than 0.05 ($p < 0.05$). Through this study it was also found that there was no significant difference between the writing achievement of female students and male students in the treatment group because the findings showed a significant level greater than 0.05 ($p > 0.05$). By teaching using this essay writing module, students show a positive response to follow the teaching and learning of Malay essay writing in the classroom. As a result, students can improve their achievement in writing Malay language essays.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah digubal dengan memberi tumpuan kepada hasil pembelajaran yang perlu dicapai oleh seseorang murid. Menurut Noraziah (2007) hasil pembelajaran yang berteraskan kemahiran bahasa seperti yang telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara kita kini sangat menitikberatkan lima kemahiran asas yang diterapkan kepada setiap murid iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran mengira dan kemahiran menaakul. Di Malaysia, penulisan merupakan aspek pengajaran yang amat ditekankan dalam kurikulum sekolah namun masih terdapat murid-murid yang tidak mampu menulis dengan berkesan (Kamaruddin Husin & Siti Hajar Abd. Aziz 1997; Abd Aziz Talib, 2007; Abdul Rasid Jamian, 2012).

Sesorang murid perlu mahir menulis kerana hampir semua kertas peperiksaan di negara ini memerlukan murid menjawab dalam bentuk tulisan dan ada juga yang memerlukan jawapan yang panjang lebar dalam bentuk ayat. Murid-murid yang tidak menguasai kemahiran menulis yang baik sering berhadapan dengan masalah untuk menjawab soalan. Sehubungan dengan itu, murid-murid harus menguasai kemahiran menulis untuk menghuraikan data-data yang tepat, berupaya menyusun jawapan dalam bentuk yang mudah, teratur dan meyakinkan (Noorazman Mahat, 2009),

Mulai tahun 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1989 dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Dalam usaha memperlihatkan keberkesanan penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

dan mata pelajaran teras, Kementerian Pelajaran telah mewujudkan dua bentuk kurikulum bahasa Melayu dalam KSSM iaitu kurikulum peringkat rendah dan menengah. Kesenambungan kurikulum dari sekolah rendah ke sekolah menengah membolehkan murid-murid mempunyai kesinambungan dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu yang berfokuskan kepada kemahiran berbahasa. Kemahiran berbahasa merangkumi empat elemen kemahiran yang penting iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Empat kemahiran ini perlu diberikan penekanan yang penting kerana berfungsi sebagai bahasa perpaduan. Maka penekanan empat kemahiran amatlah penting agar semua warga Malaysia benar-benar menguasai bahasa Melayu. Kemahiran berbahasa yang penting ialah kemahiran menulis. Kemahiran menulis bermaksud kebolehan para murid dalam mengeluarkan idea mereka melalui dalam bentuk penulisan. Penulisan selalunya berkait rapat dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penulisan dijemakan dalam bentuk ayat yang gramatis, tanda baca, dan ejaan yang betul serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid-murid juga digalakkan mengguna kreativiti mereka dalam menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif (KSSM, 2017)

Untuk mengatasi kelemahan pencapaian yang rendah dalam pentaksiran sekolah, satu kajian dan pengenalan modul telah dilakukan. Pengkaji melaksanakan kajian berdasarkan dapatan skor pentaksiran bilik darjah PBD penulisan Bahasa Melayu akhir tahun murid tingkatan dua dari 8 buah sekolah di Kulim Bandar Baharu Kedah. Dapatan mendapati hampir 60% murid gagal mencapai tahap 4 ke atas dan hanya berjaya mendapat tahap 1-3. Pengkaji mendapati wujudnya keperluan untuk membangunkan satu modul pengajaran dan pembelajaran menulis karangan untuk mengatasi masalah pencapaian tahap yang rendah oleh murid-murid tingkatan dua.

Modul tersebut dibangunkan menggunakan model reka bentuk pengajaran ADDIE yang memang bersesuaian dan mempunyai kelebihan berbanding reka bentuk pengajaran yang lain. Pembangunan modul menulis karangan ini dihasilkan dengan menggabungkan kemahiran membaca bagi membantu murid dalam menulis karangan. Modul ini didasari oleh beberapa teori, teknik dan kaedah bagi mengukuhkan pembelajaran kemahiran menulis para murid tingkatan dua. Kajian ini bertumpu sekolah-sekolah menengah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia yang dikenal pasti di daerah Kulim Bandar Baharu dan mengkhususkan kepada murid tingkatan dua.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah dan sekolah rendah telah digubal dengan memberikan fokus kepada hasil pembelajaran yang harus dicapai oleh murid-murid. Hasil pembelajaran yang dimaksudkan adalah yang berteraskan kemahiran bahasa yang menitikberatkan lima kemahiran asas yang diterapkan kepada setiap murid iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran mengira dan kemahiran menaakul (Noraziah, 2007). Kemahiran-kemahiran tersebut merupakan elemen dalam peraturan sistem bahasa dan dikukuhkan dengan elemen pengisian kurikulum. Sebagai murid sekolah menengah, mereka seharusnya menguasai kemahiran tersebut ketika sesi pembelajaran dan pemudah cara (PdPpc) di dalam bilik darjah. Dalam perkara ini, guru yang mengajar sebolehnya merangka strategi pengajaran yang baik bagi membantu murid mencapai objektif pengajaran dan membolehkan murid-murid menguasai kemahiran-kemahiran yang dititikberatkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pencapaian objektif pembelajaran murid-murid amat penting dalam menentukan kemahiran Bahasa

Melayu. Penggubalan KSSM adalah untuk memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelaksanaan KSSM ini setanding dengan standard antarabangsa dan telah diaplikasikan melalui penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Kurikulum persekolahan di Malaysia telah disemak dan digubal semula bagi memenuhi aspirasi dan kehendak perkembangan dunia pendidikan masa kini.

“Kementerian Pendidikan sedar bahawa masih banyak perlu dilakukan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan kedua-dua aspek ini. Gelombang 1 (2013-2015) transformasi pendidikan ini akan memberikan tumpuan kepada inisiatif jangka pendek bagi menambah baik kurikulum bertulis, kurikulum yang diajar, dan kurikulum yang ditaksir, di samping meletakkan asas bagi mengikut tahap kebolehan masing-masing. Oleh hal yang demikian adanya keperluan untuk memperkenalkan program intervensi pemulihan dan program sokongan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk murid yang tidak mencapai tahap profisiensi yang ditetapkan; Lembaga Peperiksaan (LP) telah memulakan beberapa langkah penambahbaikan bagi memastikan pentaksiran dijalankan secara holistik, seperti yang ditetapkan dalam dasar Kementerian. Pada 2011, selaras dengan KSSR, LP melaksanakan format PBS baharu yang lebih holistik, kukuh, dan selari dengan kurikulum rujukan standard perubahan nyata. Gelombang 2 dan 3 (2016-2025) berkisar pada pengenalan KSSM dan KSSR semakan semula, serta pembentukan model alternatif yang membolehkan murid belajar.”

(Malaysian Education Blueprint 2013-2025: Pembelajaran Murid; Bahasa, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013)

Penyemakan kurikulum bertujuan untuk memastikan kurikulum pendidikan terus relevan dan bersesuaian bagi menyediakan murid untuk menghadapi cabaran global selepas meninggalkan bangku sekolah. Mengikut DSKP KSSM Bahasa Melayu, matlamatnya adalah untuk

“melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu

pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan seharian”

(DSKP KSSM, KPM 2017)

Selaras dengan DSKP, satu pentaksiran telah diperkenalkan di sekolah-sekolah bermula tahun 2011 untuk sekolah rendah dan 2012 untuk sekolah menengah. Pentaksiran ini dikenali sebagai Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Pengenalan PBS ini seiring dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dan sebahagian daripada Program Transformasi Pendidikan negara. PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik yang mampu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Pelaksanaan PBS ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Pentaksiran PBS ini merangkumi 4 komponen iaitu Pentaksiran Sekolah (PS)@ Pentaksiran Bilik Darjah(PBD), Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik. Dalam melaksanakan pentaksiran ini, para guru akan menggunakan Dokumen Standard Kurikulum Prestasi (DSKP) KSSM yang mempunyai perkara yang patut dipelajari dan yang perlu disampaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta menjadi panduan untuk tujuan mentaksir dan mengukur penguasaan murid.

Dalam pentaksiran PBD, pencapaian murid-murid tidak dinilai mengikut skor mentah seperti sebelum ini, sebaliknya pencapaian pelajar dinilai berdasarkan Tahap 1 hingga 6. Setiap peringkat Tahap mempunyai standard tersendiri seperti dalam jadual 1.1.

Jadual 1.1*Tahap dan Standard PS*

TAHAP	STANDARD
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat
2	Tahu dan Faham
1	Tahu

Sumber: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012.

Pelaksanaan PBS memberikan kuasa autonomi kepada para guru mata pelajaran bagi melaksanakan pentaksiran mengikut kesediaan murid. Pentaksiran ini membantu para guru untuk mengenal pasti kelemahan dan kekuatan seseorang anak muridnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam pengajaran bahasa Melayu, tiga elemen menjadi sandaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan murid mahir dalam setiap komponen yang diuji. Tiga elemen yang dimaksudkan ialah pertamanya, Standard Kandungan yang mengandungi pernyataan tentang bidang ilmu yang patut diketahui dan dapat dilakukan oleh murid dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Yang keduanya ialah Standard Pembelajaran yang mengandungi pernyataan tentang penetapan kriteria untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran dinyatakan dalam bentuk jadual 1.2.

Jadual 1.2

Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran	
3.1	Menulis untuk menerangkan makna kata dan istilah: maksud rangkai kata, ungkapan dan ayat	3.1.1	Menulis untuk menyatakan makna kata, rangkai kata, istilah dan ungkapan serta menggunakannya dengan betul mengikut konteks.
3.2	Menulis untuk mengemukakan maklumat dan pandangan tentang sesuatu perkara	3.2.1	Menulis untuk menyatakan maklumat yang betul dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada daripada pelbagai sumber menggunakan ayat yang gramatis.
3.3	Menulis untuk melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan	3.3.1	Menulis untuk melengkapkan perenggan dalam pelbagai bahan dengan betul dan tepat.
3.4	Menulis untuk menghasilkan perenggan dan karangan secara terancang.	3.4.1	Membina kerangka karangan dalam bentuk grafik secara terancang.
		3.4.2	Menulis perenggan isi dengan membina pelbagai ayat topik, ayat huraian, ayat ontok dan ayat penegas secara terancang.
		3.4.3	Menulis perenggan pendahuluan dan kesimpulan karangan menggunakan bahasa yang gramatis.
		3.4.4	Menulis karangan menggunakan ejaan yang betul dan bahasa yang tepat, indah serta menarik.
3.5	Menulis untuk meringkaskan dan merumuskan pelbagai bahan prosa.	3.5.1	Menulis ringkasan dan merumuskan pelbagai bahan prosa dengan betul menggunakan ayat yang gramatis.
3.6	Menulis untuk mengolah maklumat bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik.	3.6.1	Menulis dan mengolah maklumat daripada bahan dialog dan bahan prosa kepada puisi menggunakan ayat yang gramatis.
3.7	Mengedit dan memurnikan pelbagai teks.	3.7.1	Mengedit ejaan, tanda baca dan kesalahan nahu yang mudah dengan betul tanpa mengubah maksud asal dalam perenggan.

Sumber :Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012)

Mengikut Jadual 1.2, murid-murid akan melalui langkah demi langkah dalam proses kemahiran menulis untuk mencapai tahap atau prestasi yang bersesuaian dengan pencapaiannya. Proses penulisan bukanlah sesuatu proses yang mudah dan

boleh diajar dengan cepat kepada mired-murid. Setiap murid harus menguasai setiap aras kemahiran menulis ini. Yang terakhir ialah Standard Prestasi yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3, iaitu suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (indicator of success).

Jadual 1.3

Standard Prestasi Kemahiran Menulis

Tahap Penguasaan	Pernyataan
1 Sangat Terhad	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap sangat terhad.
2 Terhad	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap terhad.
3 Memuaskan	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap memuaskan.
4 Baik	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap kukuh.
5 Sangat Baik	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap tekal dan terperinci.
6 Cemerlang	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap tekal, terperinci dan menjadi teladan.

Sumber: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012)

Pada penghujung tahun, murid-murid sepatutnya sudah melepasi sekurang-kurangnya tahap empat berdasarkan standard DSKP. Alireza Jalilifar (2010), menyatakan bahawa masalah penulisan tidak hanya bergantung kepada kemampuan membina sederetan ayat yang ringkas dan mudah tetapi masalah timbul dalam proses menggabungkan ayat-ayat ringkas dan mudah tersebut. Kekurangan pengetahuan berkaitan kemahiran menulis akan sudah semestinya akan menjadi halangan dalam menghasilkan karangan yang sempurna menggunakan ayat yang terhasil daripada idea-idea berkaitan tajuk penulisan.

Penguasaan minima dalam pembinaan ayat oleh murid-murid menjadi punca kegagalan dalam kemahiran menulis karangan. Sudah pastinya pelahiran idea dan penulisan ayat bersesuaian menjadi asas utama dalam penulisan karangan dan subjek yang lain dalam peperiksaan. Katharina (2011) pula menegaskan bahawa murid sekolah menghadapi kesukaran untuk menguasai penulisan kerana penulisan memerlukan penciptaan idea, cara untuk mengutarakan idea tersebut, menyusun ayat dalam bentuk ayat agar mudah difahami oleh audiens. Seyed (2012), berpendapat bahawa seseorang murid harus mempunyai pengetahuan tentang apa yang hendak ditulis dan cara untuk menyusun ayat dalam usaha memastikan penulisan karangan yang berkesan.

Hampir semua mata pelajaran di menengah rendah di Malaysia diajar dalam bahasa Melayu termasuk mata pelajaran Sejarah, Geografi, Sains dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Hal ini bermaksud bahasa Melayu diajar merentas kurikulum. Mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh murid semua aliran sekolah di negara kita. Terdapat 10 objektif umum dirangka untuk KSSM dan objektif yang penting ialah objektif berkaitan dengan penulisan.

Sebanyak tiga objektif iaitu objektif lima, enam dan tujuh difokuskan kepada bidang penulisan dalam KSSM ini, iaitu:

- i) Menulis untuk melengkapkan, menerangkan, meringkaskan, merumus, mengolah, mengulas dan mengedit maklumat daripada pelbagai sumber.
- ii) Menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik untuk melahirkan idea dengan tersusun menggunakan bahasa dengan betul, gramatis dan menarik.
- iii) Menghasilkan dan mempersembahkan karya prosa, puisi dan seni bahasa yang lain secara kreatif dan berkesan.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu khusus untuk Tingkatan dua bertujuan membolehkan murid mencapai 21 objektif yang telah dirangka dan ditetapkan oleh KPM untuk para pelajar. Dalam objektif tersebut, tumpuan kajian ini diberikan kepada objektif ke-12 iaitu:

“Menulis untuk menghasilkan kerangka karangan, perenggan pendahuluan dan isi serta kesimpulan karangan secara terancang.”

(DSKP KSSM, KPM 2017)

Kelemahan dalam menulis karangan ini akan diteruskan oleh murid sehingga mereka menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan menghasilkan karangan yang kurang bermutu. Dalam Laporan Kupasan prestasi Kertas 1 Bahasa Melayu SPM 2015, 2016 dan 2017, karangan yang diperiksa masih terdapat banyak kelemahan kerana terlalu menekankan produk dan bukannya proses. Laporan mempamerkan kedangkalan murid-murid membentangkan idea mereka. Kekurangan isi amat ketara dan murid-murid juga gagal mengembangkan isi karangan malah

berulang-ulang. Selain itu pengajaran karangan yang menekankan hal yang telah dikuasai oleh murid-murid juga menyebabkan pengajaran karangan tidak lagi efektif (Charles et al., 2016)

Penulisan yang baik dapat dihasilkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Menguasai proses menulis amat penting memandangkan keperluan peperiksaan formal yang inginkan murid menjawab soalan peperiksaan atau ujian secara menulis. Jawapan tersebut memerlukan penjelmaan idea, pendapat, fakta dan lain-lain (Isahak, 1979). Rasid (2019), menyatakan bahawa tujuan penulisan adalah untuk meluaskan pengetahuan, pengalaman, perhubungan dan matlamat. Kemahiran menulis merupakan kemahiran berbahasa yang paling penting dan perlu dikuasai oleh setiap pelajar sejak sekolah hingga ke peringkat menengah dan institusi pengajian tinggi.

Pencapaian pentaksiran murid yang tidak memberangsangkan menyebabkan permasalahan murid akan berterusan dan seterusnya mengakibatkan mereka tercicir dalam pelajaran. Salah satu cara untuk mengatasi keciciran murid adalah dengan penekanan kepada proses kemahiran menulis karangan dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Abdul Rasid et al. (2011) menerangkan pencapaian murid dalam karangan lemah kerana murid tidak menguasai tajuk karangan tersebut. Ilangko et al. (2014) juga bersetuju bahawa punca utama murid tidak boleh menulis karangan dengan baik ialah murid tidak menguasai atau tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan tajuk karangan yang diberikan atau dipelajari.

Menurut Charles et al. (2016), seseorang murid boleh dikatakan telah menguasai format penulisan karangan jika mereka bermula dengan ayat isi utama diikuti pula dengan ayat-ayat yang menyokong isi utama yang berkait rapat dengan

idea utama dan juga adanya penutup. Sebaliknya Zuraini et al. (2015) menyatakan bahawa kelemahan murid dalam penguasaan Bahasa Melayu akan menjejaskan penguasaan murid dalam mata pelajaran yang lain. Pendapat Zuraini menyamai pendapat oleh Roselan (2011) yang mengatakan bahawa murid yang mengalami masalah penguasaan bahasa akan menyebabkan mereka gagal untuk membina ayat-ayat tertentu dengan lengkap yang membentuk sebuah karangan. Beliau menambah lagi bahawa kekangan tersebut menyebabkan murid lemah dalam kemahiran menulis karangan.

1.3 Pernyataan Masalah

Proses menulis karangan ialah kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain dan ramai murid yang tidak mahir menulis lagi. (Ahmad Khair, 2005). Maka, proses menulis karangan memerlukan aktiviti pemikiran iaitu pemikiran sebelum menulis karangan, semasa menulis, dan proses pemikiran yang dialami selepas sesuatu karangan itu dihasilkan. Menurut Khairuddin (2011), juga kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling tinggi dalam senarai kemahiran berbahasa dalam pendidikan.

Jamian et al. (2016), pula menyatakan kemahiran menulis merupakan kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh murid-murid di sekolah. Kemahiran ini penting kerana mereka boleh menguasai Bahasa Melayu secara berkesan untuk kehidupan dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran sepanjang hidup mereka. Kemahiran penulisan karangan juga dikatakan kemampuan seseorang murid menyampaikan perasaan dalam bentuk penulisan seperti pengumuman, berita, laporan, ucapan, minit mesyuarat dan penghujahan sesuatu persoalan (Marzni et al., 2013).

Pencapaian murid-murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu masih berada pada tahap kurang memuaskan. Mereka masih lemah untuk mengemukakan isi-isi penting yang berkaitan dengan tajuk karangan yang diberikan kepada mereka. Masalah kekurangan isi ini menyebabkan murid-murid, gagal menghurai isi karangan mereka selari dengan tajuk karangan. Ada juga murid-murid yang mengemukakan isi yang kurang penting dan tidak sesuai dengan tajuk. Kelemahan seperti ini membuatkan murid-murid tidak berjaya menghasilkan karangan yang baik dan seterusnya menjejaskan pencapaian mereka (Mokter, 2019).

Murid-murid juga didapati tidak dapat menulis pendahuluan dengan baik dan jelas untuk menerangkan sesuatu tajuk yang dikemukakan dalam soalan karangan. Tambahan pula kelemahan murid yang kurang memahami tajuk karangan yang ditulis menyebabkan pendahuluan ditulis oleh murid agak kabur dan kurang berkaitan dengan kehendak tajuk. Kadang kala isu sebenar sepatutnya dibincangkan dalam perenggan isi karangan tetapi dibincangkan dalam pendahuluan. Keadaan ini menunjukkan tahap pemahaman murid terhadap sesuatu tajuk masih lemah. Kelemahan murid dalam menghuraikan isu sesuatu tajuk berlaku akibat sikap kebanyakan murid yang terlalu bergantung kepada guru bagi penerangan berkaitan pendahuluan dan nota pendahuluan yang diberikan. Situasi ini menyebabkan murid tidak didedahkan untuk mengemukakan sendiri idea dalam menulis pendahuluan (Akup & Othman, 2017).

Pendapat Juriah (2010) mendapati bahawa pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah kerap kali berpusatkan guru dan tidak mengaplikasikan strategi PdPc yang disarankan oleh sukatan pelajaran Bahasa Melayu. Keadaan ini menyebabkan wujudnya kelemahan lain yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan. Murid didapati masih lemah dalam menyatakan isi-isi yang bernas dan relevan dengan kehendak soalan yang diajukan.

Ramai juga yang tidak dapat menghuraikan isi yang diberikan dengan jelas dan berpandukan isi yang dinyatakan. Huraian mereka ada kalanya juga kurang tepat dengan kehendak. Murid-murid masih membuat huraian yang kurang mantap, kurang tersusun dan kurang berpandu kepada kehendak soalan. Maka keadaan ini menyebabkan aspek kerelevanan yang sangat penting dalam menghasilkan sesuatu karangan tidak kelihatan dengan jelas dalam hasil penulisan karangan murid-murid. Kelemahan ini menunjukkan murid-murid masih kurang mahir dalam penghuraian karangan mereka (Akup & Othman, 2017).

Noor Rohana (2004), menjelaskan antara punca yang menyebabkan kemerosotan pencapaian penulisan murid adalah disebabkan oleh kurangnya kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam bilik darjah. Pendapat beliau disokong oleh kajian yang telah dibuat oleh Rohaida dan Zamri (2015).

Kajian mereka mendapati penggunaan kaedah konvensional dalam pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan dalam meningkatkan hasil penulisan karangan murid-murid dan ini menjejaskan pencapaian mereka dalam penulisan karangan. Murid-murid masih diterapkan pengajaran tradisional iaitu murid-murid hanya menerima nota daripada guru tanpa terlibat aktif dalam aktiviti pembelajaran. Ada kalanya murid-murid hanya diminta untuk menyalin contoh karangan berdasarkan tajuk yang telah diberikan dan tindakan ini menyebabkan murid-murid tidak berfikir sendiri untuk meluahkan idea atau mengolah sesuatu karangan.

Murid-murid yang berada di tingkatan satu hingga tiga merupakan peringkat penting untuk menguasai semua subjek terutamanya Bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, peperiksaan yang dilaksanakan pada tahap ini menjadi

asas bagi menentukan hala tuju dalam kerjaya dan cita-cita seseorang murid. Tambahan pula keputusan peperiksaan memberikan kesan terhadap pemilihan aliran pada tingkatan empat seterusnya. Oleh itu penguasaan yang baik dalam subjek bahasa Melayu sangat penting pada tahap ini kerana Bahasa Melayu menjadi salah satu subjek utama yang wajib diambil hingga peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Meni Anak Untai (2008) menyatakan bahawa kepentingan mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu memang tidak dapat dinafikan lagi dan perlu kukuh bermula sejak menengah rendah lagi.

Zulkifley (2005) menyatakan bahawa kemerosotan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah mengundang kebimbangan pelbagai pihak. Komponen penulisan karangan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dikatakan antara punca kemerosotan ini. Situasi berpunca akibat kurangnya kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid dan ini akan menyebabkan pencapaian dalam Bahasa Melayu mereka juga rendah. Penguasaan kemahiran menulis karangan bukan sahaja bergantung kepada sikap dan bakat seseorang murid (Nor Hashimah et al. 2010) malah juga aspek keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan itu sendiri (Ahmad Khair, 2005; Yahya 2005).

Kajian Nor Hashimah (2010) mendapati persepsi dan sikap murid-murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu adalah sukar dan ramai murid berpendapat bahawa kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu adalah luas dan sukar untuk dipelajari terutamanya penulisan karangan. Kelemahan ketara ialah murid tidak memahami dan mahir dengan pemilihan kata, penguasaan tatabahasa dan tidak menguasai perkara atau topik yang ingin ditulis. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat menjana idea atau isi serta menyusun dan mengolah idea tersebut menjadi sebuah penulisan atau karangan yang bermakna. Kelemahan ini yang menjadi antara

punca mengapa murid-murid gagal untuk memperoleh gred yang baik dalam peperiksaan (Abd Aziz 2000). 60% markah daripada keseluruhan markah diperuntukkan bagi kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah (ditukarkan kepada pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)).

Kelemahan ini berpunca daripada proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan di dalam bilik darjah. Hal ini dikatakan demikian kerana murid-murid sepatutnya sudah didedahkan dengan proses menulis karangan yang bermula dari mengenal pasti idea utama, merangka karangan, menghurai isi karangan serta contoh. Namun kualiti penulisan murid-murid tersebut masih pada tahap yang kurang memberangsangkan. Sekiranya masalah itu disebabkan strategi pengajaran yang lemah, maka guru-guru perlu mula merancang dan memilih strategi yang benar-benar bersesuaian yang dapat memantapkan pengetahuan dan kemahiran murid dalam menulis karangan (Yusuff & Awang, 2016). Pernyataan dan kajian yang telah dibincangkan menyimpulkan bahawa pencapaian dalam penulisan karangan masih tidak memuaskan. Pernyataan tersebut disokong dengan adanya data PBS daripada 9 buah sekolah menengah di daerah Kulim Bandar Baharu.

Sebilangan murid-murid didapati masih gagal menguasai kemahiran menulis walaupun 7 tahun melalui proses persekolahan selama 6 tahun pada peringkat sekolah rendah dan satu tahun pada peringkat sekolah menengah. Melalui hasil Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) didapati penguasaan kemahiran menulis murid-murid Tingkatan Dua masih tidak memuaskan dan tidak mencapai standard penskoran prestasi yang sepatutnya. Hasil keputusan daripada 8 buah sekolah menengah, pencapaian para pelajar Tingkatan 2 pada penghujung tahun 2018 menunjukkan hampir 60 peratus murid masih berada dalam Tahap 3 dalam kemahiran menulis. Pengkaji mendapati kebanyakan memperoleh tahap 3 terutamanya dalam penulisan mereka. Tahap 3

menunjukkan kesederhanaan penguasaan murid dalam penulisan dan boleh disamatafkan dengan gred lulus bagi menentukan kebolehan seseorang murid. Oleh hal yang demikian, para guru perlu merangka aktiviti tambahan bagi membantu murid melepasi Tahap 3.

Jadual 1.4

Peratus Pencapaian Tahap Penulisan oleh Murid di 9 buah Sekolah Menengah di Kulim Bandar Baharu (Pencapaian Akhir Tahun)

Bil	Sek	Jumlah Murid T2	Tahap 1-3	%	Tahap 4-6	%	Peratus gagal mendapat Tahap 4,5 dan 6
1	9 buah	1363	1003	73.0	360	27.0	73.0

Kebanyakan murid yang memperoleh Tahap 3 didapati hanya menguasai tahap penulisan peringkat minima sahaja berdasarkan jadual 1.4 di atas. Taksiran Tahap Tiga menjelaskan murid- murid tersebut hanya berupaya mempamerkan pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sederhana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa. Huraian ini jelas menunjukkan murid-murid memerlukan bantuan dalam menguasai kemahiran menulis dalam menyampaikan hasil karangan mereka. Tahap Tiga merupakan tahap sederhana atau kategori memuaskan. Murid-murid sepatutnya berjaya mencapai Tahap 4, 5 atau mengikut standard prestasi yang telah ditetapkan mengikut kehendak DSKP yang menjadi panduan kepada para guru.

Dari perspektif guru pula, guru-guru yang mengajarkan Bahasa Melayu berpendapat bahawa pengajaran kemahiran menulis akan lebih efektif dan bermakna sekiranya terdapat modul penulisan karangan digunakan dalam sesi pengajaran. Kebanyakan mereka juga bersetuju bahawa dengan adanya modul pengajaran karangan yang sesuai, sudah pasti akan membolehkan mereka mengajar penulisan

karangan dengan lebih yakin lagi. Guru-guru ini terdiri daripada guru dari lapan buah sekolah menengah di daerah Kulim Bandar Baharu yang telah ditemu bual secara tidak formal bagi mendapatkan pandangan mereka berkaitan pencapaian Tahap para murid dan keperluan penggunaan modul penulisan karangan. Data-data pencapaian diperolehi melalui setiausaha Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dari lapan buah sekolah menengah. Dalam huraian ini, jelas sekali pencapaian murid merupakan masalah yang menjadi dorongan kepada kajian ini.

Pengajaran penulisan karangan masih lagi menggunakan bahan pengajaran menulis lebih menentingkan hasil daripada prosesnya. Kelemahan murid dalam menguasai kemahiran menulis ketara dan penggunaan bahasa yang lemah dalam menghasilkan sesuatu karangan menjejaskan markah atau tahap yang diperolehi oleh seseorang murid. Diharapkan guru-guru menggunakan pendekatan pengajaran kemahiran menulis yang lebih efektif agar murid-murid dapat memahami proses kemahiran menulis. Di samping itu pengajaran kemahiran menulis memerlukan kaedah yang baharu yang mudah difahami oleh murid terutamanya murid yang tidak melepasi skor prestasi yang telah ditetapkan dalam DSKP. Menurut Abdul Jalil Othman (2000), ramai murid yang tidak mengetahui teknik penulisan karangan yang betul. Hal ini kerana mereka kurang diberi pendedahan tentang cara untuk menulis karangan yang mantap dan menepati ciri penulisan karangan yang sebenarnya.

Rohaida dan Zamri (2015), berpendapat bahawa pengajaran kemahiran penulisan karangan yang berpandukan buku teks dalam PdPc kurang berkesan dalam meningkatkan hasil penulisan karangan murid-murid. Murid-murid masih didedahkan dengan cara pengajaran konvensional iaitu murid menerima nota daripada guru tanpa terlibat aktif dalam pembelajaran berkaitan karangan. Mereka diminta untuk menyalin contoh karangan yang disediakan dan yakni murid tidak pernah berfikir sendiri untuk

menyatakan idea atau olahan sesuatu karangan yang ditulis mereka. Rohaida dan Zamri (2015), juga menjelaskan bahawa, dalam proses pengajaran dan pembelajaran menulis karangan, faktor utama yang menjadikan murid lemah dalam mengembangkan sesuatu isu ialah kurangnya budaya berfikir.

Murid-murid mengalami kesukaran dalam mengolah isi dengan sempurna, maka karangan yang dihasilkan oleh mereka tidak menepati objektif yang telah ditetapkan. Zamri (2014), menyatakan bahawa pendekatan biasa yang lebih bersifat memberi nota dan menghafal boleh menyebabkan murid-murid gagal memahami sesuatu makna dalam pelajaran sehingga menyebabkan mereka tidak dapat menggunakan pengetahuan yang diperoleh untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), kegagalan menguasai kemahiran menulis dan membaca menjadikan murid lemah dan mereka tidak meminati mata pelajaran Bahasa Melayu. Kegagalan ini menyebabkan mereka tidak menguasai asas kemahiran menulis karangan di dalam kelas.

Kelemahan ini akan menyebabkan murid-murid tersebut berasa rendah diri dan akan mula mengasingkan diri dari kelompok yang menguasai bahasa Melayu dengan baik. Pengasingan ini membuka ruang kepada murid tersebut untuk bergaul dengan murid senasib dengan mereka. Kemungkinan besar sikap rendah diri menyebabkan disiplin dalam diri murid tersebut merosot dan mereka dianggap pencetus masalah dalam kelas yang sama. Yusfaiza dan Mohd Isha Awang (2012), pula menjelaskan kelemahan seseorang murid dalam menulis karangan sudah semestinya akan menjejaskan pencapaian akademik mata pelajaran Bahasa Melayu dan seterusnya akan diabaikan dalam pembelajaran dalam kelas.

Pencapaian murid-murid dalam akademik juga dikaitkan dengan faktor jantina. Terdapat beberapa kajian yang mengaitkan jantina dalam menilai kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid sekolah menengah. Abdul Ghani (2016) telah melaksanakan kajian berkaitan tingkah laku dan proses semasa menulis karangan Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, beliau menjelaskan persamaan dan perbezaan tingkah laku murid lelaki dan perempuan tingkatan dua yang berprestasi rendah dalam proses penulisan karangan. Hasil kajian mendapati responden perempuan lebih banyak menunjukkan tingkah laku positif berbanding dengan informan lelaki. Namun perbezaan tingkah laku tidak memberikan kesan kepada hasil penulisan karangan murid dan hanya berbeza dari keinginan menguasai proses penghasilan karangan (Abdul Ghani, 2016).

Selain itu, Nurul Aisyah et al. (2016) telah menggunakan jantina sebagai faktor dalam kajian mereka berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu sekolah menengah. Mereka telah menggunakan soal selidik terhadap 400 responden. Hasil dapatan kajian ini mendapati jantina tidak mempengaruhi kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu seseorang murid. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Yusfaiza et al. (2012) yang menggunakan *Jigsaw II*. Kajian mereka juga mendapati jantina tidak memainkan peranan penting dalam penghasilan karangan Bahasa Melayu murid. Berdasarkan kajian-kajian ini, pengkaji merasakan keperluan untuk mengambil faktor jantina untuk melihat pencapaian murid dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu dalam kajian ini.

Modul yang dihasilkan oleh pengkaji menjurus kepada murid tingkatan dua. Memang tidak dinafikan adanya pelbagai modul penulisan karangan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran namun menyentuh pendekatan yang berbeza. Sebagai contoh kajian Zulkifli (2013) menjurus kepada pembangunan modul

pengajaran Bahasa Melayu secara menyeluruh dan kajian beliau tidak berfokus kepada kemahiran penulisan karangan. Selain itu, kajian Lee (2017) pula berkaitan modul penulisan karangan tingkatan empat menekankan konsep kemahiran berfikir dalam penulisan karangan. Modul tersebut berfungsi untuk menghasilkan karangan mengikut konsep KBKK namun tidak berfokus kepada tahap pencapaian penulisan karangan. Tindakan ini mengakibatkan keciciran murid berlaku dari arus pembelajaran. Dalam berkaitan kemahiran menulis karangan bahasa Melayu terhadap murid-murid tingkatan empat, mendapati pengajaran memfokuskan hasil penulisan karangan berbanding dengan proses penulisan sesuatu karangan (Lai, 2017).

Tinjauan pengkaji juga mendapati kajian-kajian lebih menjurus kepada kemahiran penulisan murid menengah atas seperti kajian Kaur et al. (2020), Doraisamy (2007), Fikri dan Zamri (2019), Singh (2018) dan Anthony dan Yahya (2017). Oleh hal yang demikian wujudnya situasi keperluan satu modul pengajaran penulisan karangan yang sesuai untuk mengajar murid tingkatan tentang proses menulis karangan langkah demi langkah sehingga mereka memahami proses menulis karangan. Lantaran itu, keinginan tersebut telah mendorong pengkaji memperkenalkan modul kemahiran menulis dalam usaha membantu para murid dalam menulis karangan dan sekali gus meningkatkan tahap yang perlu dicapai oleh mereka.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk memudahkan murid dalam proses penulisan karangan di dalam kelas. Pengajaran dan pembelajaran berpandukan modul penulisan karangan yakni dapat meningkatkan kemahiran menulis para murid. Pengkaji akan mengetahui keberkesanan modul penulisan karangan dalam membantu murid

mengasah kemahiran menulis meraka dan menjelmakan idea penulisan dalam bentuk karangan. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Mereka bentuk dan membangunkan modul penulisan karangan
- ii) Mengukur kesan penggunaan modul penulisan karangan terhadap peningkatan kemahiran menulis perenggan pendahuluan karangan dalam kalangan murid tingkatan dua.
- iii) Mengukur kesan penggunaan modul penulisan karangan terhadap peningkatan pencapaian menulis perenggan isi karangan dalam kalangan murid tingkatan dua.
- iv) Mengukur kesan penggunaan modul penulisan karangan terhadap peningkatan pencapaian menulis bagi perenggan penutup karangan dalam kalangan murid tingkatan dua.
- v) Mengukur kesan penggunaan modul penulisan karangan terhadap peningkatan pencapaian kemahiran menulis karangan antara murid lelaki dengan perempuan tingkatan dua selepas menggunakan modul penulisan tersebut.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif kajian yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa persoalan kajian dikemukakan.

- i) Apakah proses-proses dalam mereka bentuk dan membangunkan modul penulisan karangan?
- ii) Adakah penggunaan modul penulisan karangan berkesan terhadap peningkatan pencapaian kemahiran menulis perenggan pendahuluan karangan dalam kalangan murid tingkatan dua?

- iii) Adakah penggunaan modul penulisan karangan berkesan terhadap peningkatan pencapaian kemahiran menulis perenggan isi karangan dalam kalangan murid tingkatan dua?
- iv) Adakah penggunaan modul penulisan karangan berkesan terhadap peningkatan pencapaian kemahiran menulis perenggan penutup karangan dalam kalangan murid tingkatan dua?
- v) Adakah penggunaan modul penulisan karangan berkesan terhadap peningkatan pencapaian kemahiran menulis karangan antara murid lelaki dengan perempuan tingkatan dua selepas menggunakan modul penulisan tersebut?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian merujuk kepada persoalan kajian 2 hingga 5.

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap peningkatan pencapaian penulisan pendahuluan karangan dalam kalangan murid tingkatan dua selepas menggunakan modul penulisan karangan.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap peningkatan pencapaian menulis perenggan isi karangan dalam kalangan murid tingkatan dua selepas menggunakan modul penulisan karangan.
- Ho3 Tiada terdapat perbezaan yang signifikan dalam peningkatan pencapaian menulis perenggan penutup karangan dalam kalangan murid tingkatan dua selepas menggunakan modul penulisan karangan.
- Ho4 Tiada terdapat perbezaan yang signifikan dalam peningkatan pencapaian kemahiran menulis karangan antara murid lelaki dengan perempuan tingkatan dua selepas menggunakan modul penulisan karangan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian diharapkan dapat memberikan peluang kepada murid-murid untuk mempelajari kemahiran menulis secara berperingkat. Penulisan karangan bukan sekadar menulis berdasarkan tajuk dan siapkan mengikut masa yang ditetapkan sebaliknya menulis mengikut langkah demi langkah agar murid yang lemah dapat menguasai kemahiran ini.

a) Murid

Modul penulisan karangan mampu membimbing murid-murid yang lemah atau sederhana untuk menghasilkan karangan yang baik dan sempurna. Pembinaan modul ini dapat mengelakkan para murid daripada tidak terkandas dalam situasi pengajaran penulisan karangan berpandukan sukatan pelajaran yang perlu diselesaikan dalam masa yang tertentu. Sebaliknya modul ini memberi ruang kepada murid untuk menguasai penulisan karangan mengikut kemampuan masing-masing dan beransur-ansur. Dari segi pelahiran idea, modul ini dapat membantu murid-murid untuk meluahkan idea sedia ada mereka sama ada pengalaman lalu atau pembacaan.

Idea yang ada akan digunakan untuk mengembangkan karangan sedikit demi sedikit dengan bantuan sekiranya perlu. Idea untuk menghasilkan karangan sangat penting dan modul yang dihasilkan akan memberikan keyakinan kepada murid-murid untuk melahirkan idea yang sesuai. Idea yang terhasil akan dikembangkan mengikut urutan seperti yang terdapat dalam modul pengajaran. Murid-murid akan menjadi biasa dalam melahirkan idea dengan modul inidan sekali gus akan membantu mereka untuk menghasilkan karangan sepanjang tempoh pembelajaran murid-murid tersebut.